

Pemuda Umno Serah Bantahan Kepada Kedutaan Indonesia Berhubung Jerebu Bernama
24 Jun, 2013

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno Isnin menyerahkan memorandum kepada kedutaan Indonesia di sini yang menggesa kerajaan republik itu mengawal dan memadam kebakaran hutan yang menyebabkan Malaysia teruk dilanda jerebu sejak awal minggu lepas.

Pergerakan itu juga menyeru pihak yang bertanggungjawab bagi pembakaran terbuka di Indonesia disiasat dan dikenakan hukuman berat, sejajar dengan undang-undang negara itu.

"Dengan ini, kami menuntut agar kerajaan Indonesia menimbang secara berhemah dan serius berhubung perkara ini.

"Kami meminta kerajaan Indonesia meratifikasikan Perjanjian Asean Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan yang berkuat kuasa mulai 2003," kata pergerakan itu dalam memorandum berkenaan.

Melalui memorandum itu, Pemuda Umno menyuarakan bantahannya tentang ketiadaan tindakan proaktif dan penguatkuasaan yang lemah oleh pihak berkuasa Indonesia, yang didakwa menyumbang kepada berlakunya pembakaran secara terbuka dengan sewenang-wenangnya dan berterusan di Sumatera.

Katanya rakyat Malaysia menderita dari segi kesihatan, emosi dan ekonomi akibat jerebu yang berlaku berulang kali.

Pelajaran 1.5 juta murid dari 1,817 sekolah di lima negeri terganggu apabila sekolah terpaksa ditutup kerana jerebu, manakala Muar dan Ledang di Johor kini berada dalam 'darurat jerebu' apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara di kawasan itu melonjak kepada lebih 700.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958468>